

06/03/2004

Hari mengundi 21 Mac (HL)

Mohd Azlan Jaafar; Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Hari mengundi bagi Pilihan Raya Umum ke-11 ditetapkan pada Ahad, 21 Mac ini, manakala penamaan calon pada Sabtu 13 Mac, dengan tempoh berkempen selama lapan hari.

Sebanyak 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kecuali di Sarawak, akan menjadi rebutan dengan 10,083,879 pemilih biasa dan 200,712 pengundi pos layak mengundi.

Daftar Induk Pemilih 2003 dengan 10,284,591 pemilih yang diwartakan pada 3 Mac lalu selepas dikemaskinikan sehingga 31 Disember 2003, akan digunakan untuk pilihan raya umum ini.

Writ pilihan raya umum akan dikeluarkan hari ini, manakala notis pula pada hari Ahad, 7 Mac.

Parlimen secara rasminya dibubarkan kelmarin, sembilan bulan sebelum berakhir penggal lima tahunnya, untuk membolehkan pilihan raya umum ke-11 diadakan. Serentak itu, DUN di semua negeri kecuali Sarawak turut dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya diadakan serentak termasuk buat kali pertama bagi DUN Sabah.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata 27 parti politik yang berdaftar dengan SPR boleh bertanding dalam pilihan raya umum ini.

Beliau memberitahu sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat khas SPR di sini semalam, penetapan tarikh itu dibuat berdasarkan beberapa faktor termasuk kesediaan SPR, keadaan keselamatan dan keperluan mewujudkan kerajaan pada kadar segera.

"Keadaan keselamatan dalam negara yang baik selain jaminan pihak penguat kuasa memastikan ketenteraman awam juga diperincikan dalam memutuskan tarikh itu. Kerajaan yang sah perlu diwujudkan segera untuk memerintah dan mentadbirkan negara khususnya menjamin keadaan keselamatan yang begitu baik sekarang.

"Malaysia juga boleh menggerakkan dan meneruskan usaha memulihkan ekonomi dan membangunkan negara. Keadaan tidak menentu tidak harus berpanjangan dan SPR berasa bertanggungjawab menentukan ia tidak harus berpanjangan," katanya.

Pilihan raya umum ini adalah yang pertama sejak Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

Pada Pilihan Raya Umum 1999, BN memenangi 148 daripada 193 kerusi Parlimen yang dipertandingkan tetapi jumlah itu meningkat kepada 152 kerusi apabila Parti Bersatu Sabah menyertai semula BN pada Januari 2002 dan calon BN menang pada pilihan raya kecil Pendang pada Julai tahun yang sama.

BN juga memenangi 281 daripada 394 kerusi DUN yang menjadi rebutan tetapi ia kehilangan kerusi Lunas di Kedah kepada calon Keadilan pada pilihan raya kecil November 2000.

Sebelum pembubaran Parlimen kelmarin, BN menguasai 152 kerusi Parlimen dan 280 kerusi DUN, manakala pembangkang utama, Pas, menguasai 26 kerusi Parlimen dan 98 kerusi DUN, DAP (10 Parlimen, 11 DUN) dan Keadilan (lima Parlimen, lima DUN)

Abdul Rashid ketika mengulas tempoh berkempen terpendek dalam sejarah pilihan raya umum negara sejak merdeka, berkata SPR tidak mengambil kira tempoh sebelum ini dalam menetapkan tarikh pilihan raya.

"Yang penting apa yang ada hari ini dan apa yang penting untuk negara," katanya.

Tempoh berkempen pada pilihan raya 1986 dan 1999 ialah sembilan hari yang ketika itu dianggap paling singkat.

Beliau berkata, walaupun pembubaran Parlimen dibuat kelmarin, kebanyakan parti politik sudah berkempen sejak empat tahun lalu dengan 11,692 permit ceramah dikeluarkan.

"Jadi tempoh berkempen ini sudah mencukupi untuk mereka rumuskan. Orang ramai dah faham mengenai parti masing-masing, banyak kempen dah dijalankan, tidak perlu dipanjangkan lagi," katanya.

Mengenai sama ada SPR mengambil kira perlumbaan kereta Formula 1 yang akan diadakan pada 21 Mac, Abdul Rashid berkata, pilihan raya ini adalah kepentingan nasional.

"Acara lain boleh terus berjalan. Orang nak mengundi pagi... lepas mengundi dia boleh pergi tengok siapa nak berlumba... siapa nak berlari. Ini (pilihan raya) penting bagi kita," katanya.

Beliau menjangka jumlah yang keluar mengundi kali ini lebih tinggi.

"Saya jangka 80 hingga 90 peratus keluar mengundi terutama kira-kira 800,000 pengundi baru," katanya.

Abdul Rashid berkata, 27 parti sudah mendaftarkan simbol dengan SPR selain 20 simbol untuk calon bebas pada hari penamaan calon.

Sebanyak 6,000 sekolah akan dijadikan tempat mengundi pada pilihan raya kali ini dan keputusan berhubung penubuhan kerajaan dijangkakan kira-kira jam 10 malam.

Beliau menasihatkan semua pihak yang terbabit dalam perjalanan pilihan raya supaya tidak melanggar undang-undang bagi memastikan ia berjalan lancar.

"Jadi tolong beri kerjasama. Jangan beri masalah. Biar pengundi buat penentuan. Beri pengundi peluang ke tempat mengundi dalam keadaan tenang, suasana tenang dan buat penentuan untuk negara," katanya.